

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]**

TARIKH : 5 DISEMBER 2019 [KHAMIS]

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan perumahan awam termasuk rumah pangsa yang dibina oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta jabatan/agensi Kerajaan yang telah dibaik pulih kemudahan-kemudahan asasnya seperti lif, tandas, kebersihan dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pembaikan perumahan awam secara umumnya diuruskan oleh Kerajaan Negeri/Agensi Kerajaan Negeri manakala perumahan awam di Kuala Lumpur diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Ini melibatkan pembaikan dan penyenggaraan harta bersama termasuklah pembaikan kemudahan-kemudahan asas seperti lif, tandas, kebersihan dan sebagainya.

2. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan turut menyediakan bantuan peruntukan baik pulih dan penyelenggaraan rumah awam melalui Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Dari tahun 2011 sehingga tahun 2019, sebanyak 147 perumahan awam telah dibaik pulih di bawah program ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM200.8 juta. Untuk makluman Yang Berhormat mulai tahun 2017, penyelenggaraan perumahan awam di Kuala Lumpur diuruskan oleh DBKL di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

3. KPKT berharap dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan melalui program PPP ini dapat memberi impak kepada penghuni perumahan awam untuk menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera.

Sekian, terima kasih.